

EXPERIENCE THE DRIVE CONTEST TERMS & CONDITIONS

Prior to the participation of Experience The Drive Contest 2017 ("Contest"), it is advisable for you to take a couple of minutes to read the following terms and conditions and ensure that you are completely aware of the terms and conditions. They are unconditionally and irrevocably binding on all participants.

Experience The Drive Contest is organized by Proton Edar Sdn Bhd (133533-A) hereby known as "PROTON". By participating in this Contest, participants shall be deemed an unconditional and irrevocable acceptance of these terms and conditions as stated herein. A failure by PROTON to enforce any of these terms and conditions in any instances will not give rise to any claim by any person.

ELIGIBILITY REQUIREMENTS

This Contest is open to all Malaysian citizens possessing a valid Identity Card (IC) and driving license. PROTON reserves the right, at any time, to verify the validity of entries, and the identity and eligibility of participants. Participants must provide such evidence as required for verification purposes.

PROTON may at any time exclude or disqualify an invalid entry or all entries of any participants who is ineligible or who breaches these terms and conditions or fails to provide evidence satisfactory to PROTON to verify their identity or eligibility.

DEADLINE FOR ENTRY

- **EXPERIENCE THE DRIVE CONTEST 2017** will run for a period of 3 months that is; in the months of March 2017, April 2017 and May 2017.
- It will be a weekly contest and the 4th week will be the monthly grand prize.
- There will be 2 contest winners in each week, for 3 consecutive weeks in a month, and 1 grand prize winner in the 4th week of the month.
- PROTON reserves the right to shorten or extend the Contest period for any reasons whatsoever. In the event of such occurrence, PROTON may notify participants accordingly via its official channels; PROTON's website, www.proton.com, PROTON Facebook Page www.facebook.com/ProtonCarsOfficial or Instagram at [instagram@ProtonCars](https://www.instagram.com/ProtonCars).

HOW TO ENTER

- No product purchase or entry fee is required.
- Participants shall go to any PROTON showrooms and/or PROTON roadshow* locations to test drive a PROTON car in the presence of a PROTON's Sales Advisor and fill up the Contest form with a caption/description in Bahasa Malaysia or English of not more than 20 words.
- The caption/description should start with, "I enjoy driving the Proton car because...".
- The Contest form submitted must be complete, failing which the entry will be automatically disqualified.
- Test drive can be booked via MyProton mobile apps, direct walk-in to respective PROTON showrooms and/or PROTON roadshow* locations. For the avoidance of doubt, road show locations refer to selected places and/or location where PROTON has their on ground activities.
- The MyProton mobile app is available on both Google Play Store and Apple App Store.
- Participants can submit more than one entry provided that each entry submitted is of a different model.

Note

- **selected roadshows only with test drive car availability*

GENERAL CONDITIONS

- Any costs associated with lodging an entry is the participant's responsibility. Any costs incurred in receiving, collecting or using a prize is the participant's responsibility, including travel, accommodation, and tax liability. There is no fee payable to the participants in respect of involvement in this Contest.
- PROTON will not be held liable, in the event of any loss, damage, non-receipt of entries or delayed receipt of entries submitted by participants including but not limited to network transmission failure, network interruption or outage and inability to use or delay to access of the internet for the purpose of this Contest.
- The participants agree to discharge and release PROTON from any liabilities and claims (including from breach of contract, tort, negligence or any other cause of actions at law or equity) arising out of or in any way connected to this Contest or the participant's entry in this Contest.
- Without prejudice to the foregoing:-
 - Save where otherwise prohibited by law, in no event shall PROTON be liable to any party including the participants for any indirect, consequential, exemplary, incidental or punitive damages, including lost profits, howsoever remote even if such losses were foreseeable or if PROTON were advised of the possibility of such damages; and
 - if PROTON is adjudicated by a local court of competent jurisdiction to be liable for any losses or damages arising out of or is in any way connected to this Contest, PROTON's liability shall in no event exceed RM1,000.00 whether in contract, tort or otherwise.
- By entering into this Contest, the participants agree to indemnify and hold PROTON and its officers, directors, shareholders, predecessors, successors in title, employees, agents and representatives harmless from any claims, losses, damages, liability, claims or expenses (including any legal fees), suffered or incurred by PROTON due to or in any way arising from this Contest.
- If participants are discovered to be using or have used improper means to participate in this Contest, PROTON reserves the right to revoke and disqualify the participants' eligibility for this Contest without notice including without hesitation, the commencement of legal proceedings under the full extent of the applicable laws.
- These terms and conditions are not intended to nor create any rights, entitlements, claims or benefits enforceable by any person that is not a party to them. Accordingly, no person shall derive any benefit or have any rights, entitlement or claim in relation to this Contest.
- PROTON is entitled to cancel, terminate, modify, or suspend this Contest and shall accept no responsibility for any loss caused as a result of the same.
- By entering this Contest, the participants agree to be bound by the terms and conditions stated herein and the decision of PROTON as the organiser. Notwithstanding anything herein any decision by PROTON shall be final and binding correspondence will not be

EXPERIENCE THE DRIVE CONTEST TERMS & CONDITIONS

entertained.

- Employees of PROTON and its group of companies are not eligible to enter this Contest.
- PROTON reserves the right to change, amend, delete or add to these terms and conditions without prior notice at any time and this Contest shall be bound to such changes.
- This Contest and the Terms and Conditions herein shall be governed by the laws of Malaysia. In the event of any disputes, controversies or claims arising out of or in relation to this Contest, the participants agree that the courts of Malaysia shall have exclusive jurisdiction over all disputes, controversies or claims arising out of from this Contest.
- Except as otherwise indicated in these terms and conditions, the term of PROTON also includes all Affiliates of PROTON. "Affiliates" means any person, partnership, joint venture, corporation or other form of enterprise, domestic or foreign, including but not limited to parent company, subsidiaries or branch, at the time of entering into this Contest.
- The Malay translation of the terms and conditions of this Contest is provided for reference purposes only. In the event that the Malay language version is conflicting with the English language version, the English language version shall prevail.

JUDGING

- Winners will be judged based on how creatively they describe their drive experience in not more than 20 words.
- PROTON has absolute discretion to appoint and replace the panel of experts, and the decision of the panel in this Contest is final. Appeals will not be entertained.

COPYRIGHT, INTELLECTUAL PROPERTY RIGHTS AND PUBLICITY

- The participants agree that by participating in this Contest, the ownership and usage of all information and documents related to the PROTON car and inclusive of in the form of descriptive writing/slogans, photographs, video and/or CD filming, digital images, drawings, financial, marketing, economics, commercial and publicity shall be owned by PROTON.
- The participants hereby declare and undertake with PROTON that the ownership, authenticity of all the information, ideas and material submitted for this Contest are the genuine products and ideas from the participants and PROTON shall not be liable for any claim by third parties due to misleading information made by the participants.
- The participants agree that by entering this Contest, PROTON shall be entitled to use and own any strategic reports, information on territories of distribution, corporate and product information and all copies, reproductions, reprints and translations thereof, supplied and owned by any of the entries submitted in this Contest as materials for the purpose of advertising, trade and/or publicity, without any prior notice or approval of the participants.
- The entries submitted by the participants pursuant to this Contest shall be owned by PROTON and PROTON shall have the right to deal with such entries in any manner whatsoever that it deems fit without any payment or compensation to be made to the participants.
- By participating in this Contest, winners have granted PROTON the right to use the name, descriptive writing/slogans of the cars/winners as materials for the purpose of advertising, trade and/or publicity, without any prior notice to the winners and the winners shall not be entitled to claim ownership or other forms of compensation on such use.

PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 ("ACT")

- The participants of this Contest agree and give consent for PROTON to use their personal particulars as per the requirement of the ACT.

NOTIFICATION

- All up-to-date information, progress, requirements and results will be made available on PROTON's website, www.proton.com or its Facebook page, www.facebook.com/ProtonCarsOfficial or [instagram@ProtonCars](https://www.instagram.com/ProtonCars).
- PROTON will notify the winners at a pre-determined time, after the Contest deadline.

PRIZES

- All prizes stated herein to be given to the winners are not exchangeable or redeemed as cash or vouchers either in part or in full.
- PROTON reserves the right at its absolute discretion to substitute any of the prizes with alternative prizes of similar value at any time without prior notice. All prizes must be collected within 30 days from the date stated in the notice notifying the winner, failing which such uncollected prizes will be forfeited. Winners are required to collect the prizes at the locations set by PROTON or by any method deemed feasible by PROTON at its absolute discretion.
- All transportation, accommodation, personal costs and/or any other costs and/or related expenses that are incurred to redeem the prize are at the sole responsibility of the participants and winners.

Prize:

- Weekly – RM500 petrol voucher x 2 winners
- Monthly grand prize – RM3000 cash x 1 winner

TERMA DAN SYARAT PERADUAN “EXPERIENCE THE DRIVE”

Sebelum menyertai peraduan “Experience The Drive” 2017 (“Peraduan”), anda dinasihati untuk mengambil sedikit masa bagi membaca dengan teliti akan kesemua terma dan syarat Peraduan ini bagi memastikan anda benar-benar faham akan kesemua terma dan syarat bersangkutan dengan Peraduan ini. Kesemua terma dan syarat yang bersangkutan dengan Peraduan ini adalah mengikat kesemua peserta tanpa syarat dan tidak boleh dibatalkan.

Peraduan “Experience The Drive” ini dianjurkan oleh Proton Edar Sdn Bhd (133533-A) dan selepas ini dikenali sebagai “PROTON”. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah menerima kesemua terma dan syarat sepertimana yang dinyatakan disini tanpa syarat dan mengikat. Kegagalan, kecuaihan dan/atau keabaihan oleh PROTON untuk menguatkuasakan mana-mana terma dan syarat yang bersangkutan dengan Peraduan ini dalam apa jua keadaan tidak akan menimbulkan dan/atau memberikan apa-apa hak tuntutan oleh mana-mana pihak.

SYARAT KELAYAKAN

Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang memiliki kad pengenalan (KP) dan lesen memandu yang sah. PROTON berhak pada bila-bila masa membuat pengesahan berhubung kesahihan penyertaan, identiti dan kelayakan peserta dalam Peraduan ini. Peserta mestilah menyediakan segala bukti yang diperlukan oleh PROTON bagi tujuan pengesahan tersebut.

PROTON juga berhak pada bila-bila masa mengeluarkan, mengecualikan dan/atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak sah atau mana-mana penyertaan dari peserta yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan atau melanggar mana-mana terma dan syarat dalam Peraduan ini atau mana-mana peserta yang gagal memberikan keterangan yang memuaskan kepada PROTON bagi tujuan pengesahan identiti dan kelayakan penyertaan dalam Peraduan ini.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

- Peraduan “EXPERIENCE THE DRIVE” 2017 akan berlangsung selama tempoh 3 bulan iaitu: pada bulan Mac 2017, April 2017 dan May 2017.
- Peraduan ini adalah peraduan mingguan dan peraduan minggu keempat akan dikira sebagai hadiah utama bulanan.
- Dua orang pemenang peraduan akan dipilih setiap minggu, bagi 3 minggu berturut-turut dalam satu bulan, manakala hadiah utama bulanan akan ditetapkan pada minggu keempat setiap bulan.
- PROTON berhak untuk memendekkan atau melanjutkan tempoh Peraduan atas apa-apa sebab sekalipun. Sekiranya ini berlaku, PROTON akan memaklumkan kepada peserta melalui saluran-saluran rasmi seperti, laman web PROTON, www.proton.com, Facebook PROTON www.facebook.com/ProtonCarsOfficial atau Instagram di [instagram@ProtonCars](https://www.instagram.com/ProtonCars).

CARA PENYERTAAN

- Tiada pembelian produk atau yuran penyertaan diperlukan.
- Peserta perlu mengunjungi mana-mana bilik pameran PROTON dan/atau lokasi-lokasi jelajah* PROTON bagi memandu uji kereta PROTON dengan kehadiran Penasihat Jualan PROTON dan isi borang Peraduan dengan slogan/keterangan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris tidak melebihi 20 patah perkataan.
- Slogan/keterangan mestilah bermula dengan “Saya suka memandu kereta Proton kerana...”
- Borang Peraduan yang dihantar mestilah lengkap dan kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan penyertaan anda dibatalkan.
- Tempahan untuk pandu uji boleh dibuat melalui aplikasi mudah alih MyPROTON atau terus berkunjung ke bilik pameran PROTON dan/atau lokasi-lokasi jelajah PROTON. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, lokasi-lokasi jelajah adalah merujuk kepada tempat-tempat dan lokasi terpilih di mana PROTON menjalankan aktiviti-aktivitinya.
- Aplikasi mudah alih MyPROTON boleh didapati di Google Play dan Apple App Store.
- Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan dengan syarat setiap penyertaan yang dihantar adalah model yang berbeza.

Nota

- *Hanya dilokasi jelajah terpilih dan tertakluk kepada ketersediaan khidmat pandu uji.

SYARAT-SYARAT AM

- Segala kos yang berkaitan penyediaan dan kemasukan penyertaan Peraduan ini adalah menjadi tanggungjawab penuh peserta. Mana-mana kos yang ditanggung dalam menerima, mengambil atau menggunakan hadiah adalah menjadi tanggungan peserta sepenuhnya termasuk kos pengangkutan, penginapan, dan liabiliti cukai. Tiada fi akan dibayar kepada peserta berhubung penyertaan dalam Peraduan ini.
- PROTON tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku apa-apa kerugian, kerosakan, tidak menerima penyertaan atau kelewatan penerimaan penyertaan yang diberikan oleh peserta termasuk dan tidak terhad kepada kegagalan transmisi rangkaian, gangguan rangkaian atau outage dan ketidakupayaan untuk melayari atau kelewatan untuk mengakses internet bagi tujuan Peraduan ini.
- Peserta bersetuju untuk melepaskan dan membebaskan PROTON dari mana-mana liabiliti dan tuntutan (termasuk pecah kontrak, tort, kecuaihan atau mana-mana kausa tindakan dari segi undang-undang atau ekuiti) yang timbul atau berkaitan dengan Peraduan ini atau berkaitan dengan penyertaan dalam Peraduan ini.
- Tanpa prejudis terhadap terma-terma yang terdahulu:- kecuali yang mana dilarang oleh undang-undang, PROTON tidak akan bertanggung kepada mana-mana pihak termasuk peserta untuk mana-mana ganti rugi tidak langsung (indirect), ganti rugi berbangkit (consequential), ganti rugi teladan (exemplary), ganti rugi insiden (incidental), atau ganti rugi hukuman (punitive), termasuk untung rugi, walaupun jumlah ganti rugi terpencil dan PROTON telah mampu melihat sepenuhnya akan kerugian tersebut atau PROTON telah dinasihati berhubung kebarangkalian akan ganti rugi tersebut.
- Sekiranya PROTON telah diadjudikasi oleh mana-mana mahkamah tempatan yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten atas liabiliti untuk mana-mana kerugian atau ganti rugi yang timbul atau yang berkaitan dengan Peraduan ini, liabiliti PROTON dalam mana-mana keadaan sekalipun hendaklah tidak melebihi RM1,000.00 samaada dalam kontrak, tort atau apa jua sekalipun.
- Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mengindemniti dan melepaskan PROTON dan kesemua pegawainya, pengarah syarikatnya, pemegang sahamnya, pewaris sebelumnya, pewaris selepasnya, pekerjanya, agennya dan wakilnya dari mana-mana tuntutan, kerugian, ganti rugi, liabiliti, tuntutan atau perbelanjaan (termasuk fi perundangan), yang menanggung atau ditanggung oleh PROTON terhadap atau yang mana-mana timbul berhubung Peraduan ini.
- Sekiranya peserta dijumpai dan/atau ditemui menggunakan dan/atau telah menggunakan Peraduan ini bagi tujuan yang tidak betul dan/atau salah, PROTON mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan peserta tersebut untuk Peraduan ini tanpa diberikan apa-apa notis termasuk memulakan prosiding undang-undang yang bersesuaian tanpa ragu-ragu.
- Kesemua terma dan syarat ini tidaklah berniat atau pun membentuk apa-apa hak, entitlement, tuntutan atau faedah yang boleh dikuatkuasakan oleh mana-mana orang yang tidak mempunyai priviti ke atasnya. Seterusnya, tiada mana-mana orang berhak untuk

TERMA DAN SYARAT PERADUAN “EXPERIENCE THE DRIVE”

mengeluarkan mana-mana atau mempunyai hak, entitlemen atau tuntutan berhubung dengan Peraduan ini.

- PROTON berhak untuk membatalkan, menamatkan, mengubah suai atau menggantung Peraduan ini dan tidak akan bertanggungjawab and/atau bertanggung terhadap apa-apa kerugian yang disebabkan oleh tindakan yang diambil.
- Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan berkenaan Peraduan dan juga keputusan oleh PROTON sebagai penganjur Peraduan ini. Tanpa apa sekalipun yang tercatat dalam terma dan syarat ini, setiap keputusan oleh PROTON adalah muktamad dan terikat. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
- Kakitangan dan ahli keluarga terdekat PROTON atau kumpulan syarikat tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.
- PROTON berhak mengubah, meminda, memadam atau menambah mana-mana peruntukkan di dalam terma dan syarat Peraduan ini tanpa apa-apa notis pada bila-bila masa dan mana-mana peserta Peraduan ini tertakluk dan terikat kepada perubahan tersebut.
- Peraduan ini dan kesemua terma dan syarat yang bersangkutan adalah ditadbir sepenuhnya oleh undang-undang Malaysia. Sekiranya berlaku apa-apa pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang timbul dan/atau berkaitan dengan Peraduan ini, peserta bersetuju bahawa Mahkamah Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif ke atas semua pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang timbul dari Peraduan ini.
- Sepertimana yang dinyatakan dalam terma dan syarat Peraduan ini, terma PROTON juga termasuk kesemua PROTON Afiliasi. “Afiliasi” bermaksud mana-mana orang, rakan kongsi, usahasama, perbadanan atau apa-apa bentuk perusahaan, domestik atau antarabangsa, termasuk dan tidak terhad kepada kepada syarikat induk, subsidiari atau cawangan, sewaktu menyertai Peraduan ini.
- Translasi Bahasa Malaysia berhubung terma and syarat Peraduan ini adalah diperuntukkan untuk rujukan sahaja. Sekiranya terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia berhubung terma dan syarat Peraduan ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

PEMARKAHAN

- Pemenang akan diadili berdasarkan kepada cara kreatif yang ditampilkan semasa memandu tidak melebihi 20 patah perkataan.
- PROTON mempunyai budi bicara mutlak untuk melantik dan menggantikan panel pakar, dan keputusan daripada panel dalam Peraduan ini adalah muktamad. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

HAK CIPTA, HAK HARTA INTELEKTUAL DAN PUBLISITI

- Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju segala pemilikan dan penggunaan sebarang maklumat dan dokumen berkaitan dengan kereta PROTON, termasuk sebarang bentuk keterangan bertulis/slogan, gambar, video dan/atau penggambaran CD, imej digital, lukisan, kewangan, pemasaran, ekonomi, komersial dan publisiti adalah dimiliki oleh PROTON.
- Peserta dengan ini mengisytiharkan dan mengaku janji dengan PROTON bahawa pemilikan, kesahihan kesemua maklumat, idea dan bahan yang telah dihantar bagi tujuan Peraduan ini adalah produk dan idea yang tulen daripada peserta dan PROTON tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang tuntutan dari mana-mana pihak ketiga berikutan daripada mana-mana maklumat tidak tepat yang dikemukakan oleh peserta.
- Dengan menyertai Peraduan ini, peserta juga bersetuju bahawa PROTON berhak untuk menggunakan dan memiliki sebarang laporan strategik, maklumat berkaitan dengan wilayah pengedaran, maklumat korporat dan produk dan semua salinan, pembuatan semula, cetakan semula dan terjemahan daripadanya, dibekalkan dan dimiliki berikutan daripada penggunaan dalam mana-mana penyertaan video dan/atau keterangan bertulis/slogan yang dikemukakan dalam Peraduan ini bagi tujuan pengiklanan, perdagangan dan/atau publisiti, tanpa notis awalan kepada peserta atau persetujuan peserta.
- Penyertaan yang dikemukakan oleh peserta berikutan daripada Peraduan ini akan dimiliki sepenuhnya oleh PROTON dan PROTON mempunyai hak atas penyertaan dan/atau video tersebut dengan apa jua cara sekalipun yang dirasakan sesuai tanpa sebarang bayaran atau pampasan dibuat kepada peserta.
- Dengan menyertai Peraduan ini, pemenang memberikan PROTON segala hak untuk menggunakan nama, keterangan bertulis/slogan mengenai kereta/pemenang Peraduan ini bagi tujuan pengiklanan, perdagangan dan/atau publisiti, tanpa notis awalan diberikan kepada pemenang dan pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau sebarang bentuk pampasan atas penggunaan tersebut.

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (“AKTA”)

- Peserta Peraduan ini bersetuju dan membenarkan PROTON untuk menggunakan butiran peribadi mereka seperti yang telah diperuntukkan dalam Akta tersebut.

PEMBERITAHUAN

- Semua maklumat terkini, perkembangan, kelayakan dan keputusan akan diumumkan di laman sesawang rasmi PROTON, www.proton.com atau laman rasmi Facebook, www.facebook.com/ProtonCarsOfficial atau [instagram@ProtonCars](https://www.instagram.com/ProtonCars).
- PROTON akan memaklumkan pemenang pada masa yang telah ditetapkan, selepas tarikh tutup Peraduan.

HADIAH-HADIAH

- Semua hadiah yang dinyatakan di sini yang akan diberikan kepada pemenang tidak boleh ditukar atau ditebus sebagai tunai atau baucar sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
- PROTON mempunyai hak mutlak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah alternatif yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis awalan. Semua hadiah mesti dituntut dalam tempoh 30 hari dari tarikh yang dinyatakan dalam notis makluman pemenang, dan kegagalan menuntut hadiah dalam tempoh yang dinyatakan akan menyebabkan hadiah yang tidak dituntut dikira sebagai terbatal. Pemenang dikehendaki untuk menuntut hadiah di lokasi yang ditetapkan oleh PROTON atau apa jua cara yang ditetapkan oleh PROTON.
- Semua kos penginapan, pengangkutan, kos peribadi dan/atau sebarang kos dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menuntut hadiah adalah menjadi tanggungjawab dan/atau tanggungan penuh peserta dan pemenang.

HADIAH

- Mingguan – Baucar petrol bernilai RM500 x 2 orang pemenang
- Hadiah utama bulanan – Wang bernilai RM3,000 x 1 seorang pemenang